

29/05/2002

Guru Sains, Matematik akan diberi kursus

SUBANG, Selasa - Kementerian Pendidikan akan mengadakan kursus bagi menyediakan guru untuk mengajar mata pelajaran Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris.

Timbalan Menteri Pendidikan, Datuk Abdul Aziz Shamsuddin, berkata kursus terbabit diadakan secara berkala, jangka pendek dan panjang untuk guru terbabit.

Bagaimanapun, beliau berkata tanpa kursus itu sekalipun pihaknya menjangka pelaksanaan pembelajaran dua mata pelajaran itu dalam bahasa Inggeris tidak akan menjejaskan pembelajaran kerana kebanyakan guru sudah mempunyai asas dalam bahasa Inggeris.

Pengajaran mata pelajaran Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris jika dilaksanakan tahun depan hanya membabitkan murid Tahun Satu.

"Kebanyakan guru di negara ini sudah mempunyai asas dalam bahasa Inggeris. Bagaimanapun, bagi memastikan kelancarannya, kementerian akan mengadakan kursus.

"Mereka (guru) hanya berbeza dari segi kelancaran. Bagaimanapun, jika keadaan memaksa, mereka (guru) boleh berbahasa Inggeris dengan baik.

"Yang penting, semua guru mesti berminat dan mencintai pekerjaan mereka bagi memastikan mereka boleh menjadi pengajar yang bagus," katanya selepas melancarkan buku prasekolah bertajuk Siri Bacaan Genius dalam bahasa Melayu dan Siri Bacaan Oxford serta merasmikan Seminar Pengkayaan Bahasa Melalui Pembacaan di Hotel Hyatt Saujana, di sini hari ini.

Hadir sama Pengarah Urusan Penerbit Fajar Bakti Sdn Bhd (PFB), Edda de Silva; pakar pembelajaran kanak-kanak yang juga penulis buku Siri Bacaan Genius, Prof Datuk Azman Wan Chik serta pengarang buku Permulaan Bunyi dan Cerita, Elizabeth Love dan Sue Reilly.

Sebelum ini, Perdana Menteri, mengumumkan Majlis Tertinggi Umno menolak cadangan mewujudkan semula sekolah aliran bahasa Inggeris kerana tindakan itu tidak secocok dengan Dasar Pendidikan Kebangsaan.

Sebaliknya, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, mencadangkan bahasa itu diperluaskan di sekolah menerusi penggunaannya dalam pengajaran dua subjek utama iaitu Sains dan Matematik bermula pada peringkat Tahun Satu selain memperkenalkan kesusasteraan Inggeris kontemporari.

Beliau yang juga Presiden Umno berkata, cadangan itu dibuat kerana menyedari kepentingan penguasaan bahasa Inggeris oleh rakyat tempatan, khususnya Bumiputera, kerana ia adalah bahasa antarabangsa yang digunakan secara meluas.

Abdul Aziz berkata, pelajar lulusan universiti tidak semestinya menjadi pendidik yang baik kerana guru sekolah rendah sudah diberi latihan dan metodologi khas supaya menjadi pendidik yang baik, malah ada antara mereka yang mampu mendidik lebih baik daripada pensyarah.

Sementara itu, Abdul Aziz mengingatkan pengusaha tadika yang tidak mematuhi Kurikulum Prasekolah Kebangsaan yang dimulakan pada 2003, akan dikenakan tindakan.

"Bagaimanapun, bentuk denda belum dipastikan," katanya.

Selain itu, Abdul Aziz berkata, kementeriannya akan memastikan satu set buku khas dipilih sebagai rujukan semua murid prasekolah seluruh negara termasuk taman didikan kanak-kanak Islam (Taski).

"Tidak menjadi kesalahan mereka mampu menguasai banyak bahasa yang diperkenalkan dalam buku berkenaan pada peringkat itu kerana ia menjadikan mereka bersifat lebih nasionalis.

"Sehubungan itu, lebih banyak penulis dan penerbit diseru tampil untuk bersaing melahirkan lebih banyak buku prasekolah berkualiti bagi digunakan semua murid prasekolah dalam negara," katanya sambil berkata buat masa kini guru prasekolah menggunakan buku berbeza.

Dalam perkembangan lain, Abdul Aziz menasihatkan ibu bapa lebih berhati-hati dalam membuat pilihan sekolah untuk anak mereka supaya kejadian pesantren al-Zaytun di daerah Indramayu yang dilanda kontroversi, tidak berulang.

"Ibu bapa seharusnya lebih peka memilih sekolah anak baik di luar negara mahu pun dalam negara, kerana ia adalah institusi penting dalam memberikan pendidikan kepada anak," katanya.

(END)